



INTERNATIONAL JOURNAL
OF ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)

www.gaexcellence.com/ijemp



**KEBEBASAN BERSUARA MENURUT AL-QURAN:
ANALISIS TAFSIR MAWDU'I DAN ISU KONTEMPORARI
DI MALAYSIA**

*FREEDOM OF EXPRESSION ACCORDING TO THE QUR'AN: A
THEMATIC EXEGESIS ANALYSIS AND CONTEMPORARY ISSUES IN
MALAYSIA*

Mohamad Murad Mahyudin Muheji^{1*}

¹Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCED), University of Malaya, Malaysia

 ufl240003@umcced.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0004-8466-4425>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 04.01.2026

Revised date: 29.01.2026

Accepted date: 28.04.2026

Published date: 03.06.2026

To cite this document:

Muheji, M. M. M. (2026). Kebebasan Bersuara Menurut Al-Quran: Analisis Tafsir Mawdu'i Dan Isu Kontemporari di Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 9 (34), 22-39.

Abstrak:

Kebebasan bersuara merupakan hak asasi yang diiktiraf oleh Islam namun perbincangan tentang batasannya dalam konteks Malaysia masih kurang berpandukan analisis teks al-Quran secara sistematik. Kajian ini mengkaji kebebasan bersuara menurut al-Quran melalui pendekatan tafsir mawdu'i, menganalisis batasannya melalui kes G25 Malaysia dan Sisters in Islam serta menilai kesesuaian kerangka *wasatiyyah* sebagai penyelesaian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dengan menghimpunkan ayat-ayat al-Quran berkaitan tema kebebasan bersuara daripada kitab-kitab tafsir muktabar iaitu Al-Tabari, Ibn Kathir, Al-Zuhayli dan Quraish Shihab. Analisis tematik Braun dan Clarke turut digunakan untuk menilai kes-kes kontemporari yang berkaitan. Dapatan kajian mengenal pasti tiga kelompok prinsip kebebasan bersuara dalam al-Quran iaitu kelompok pengiktirafan hak bersuara, kelompok etika bersuara dan kelompok hikmah dalam berdialog. Analisis terhadap kes G25 dan Sisters in Islam mendapati bahawa kedua-dua pertubuhan ini mempunyai sandaran yang sah dalam kerangka al-Quran untuk menyuarakan pandangan mereka namun cara penyampaian dan metodologi yang digunakan turut menentukan kesahan hak bersuara tersebut dari sudut Islam. Kajian ini menyimpulkan bahawa kerangka *wasatiyyah* berpotensi menjadi landasan penyelesaian yang seimbang dan berpandukan wahyu dalam menangani ketegangan berkaitan hak bersuara di Malaysia. Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan menggabungkan

pendekatan tafsir mawdu'i, kerangka *wasatiyyah* dan analisis kes kebebasan bersuara dalam konteks sosio-perundangan Malaysia secara bersepadu.

DOI: 10.35631/IJEMP.934002

Kata Kunci:

Al-Quran, Kebebasan Bersuara, Malaysia, Tafsir Mawdu'i, Wasatiyyah

Abstract:

Freedom of expression is a fundamental right recognised by Islam, yet discussions on its boundaries in the Malaysian context remain insufficiently grounded in systematic Qur'anic textual analysis. This study examines freedom of expression according to the Qur'an through the thematic exegesis approach, analyses its boundaries through the cases of G25 Malaysia and Sisters in Islam, and evaluates the suitability of the *wasatiyyah* framework as a resolution to existing tensions. A qualitative approach through document analysis was employed, gathering Qur'anic verses related to the theme of freedom of expression from authoritative exegetical works including Al-Tabari, Ibn Kathir, Wahbah al-Zuhayli and Quraish Shihab. Thematic analysis by Braun and Clarke was also utilised to evaluate relevant contemporary cases. The findings identify three clusters of principles governing freedom of expression in the Qur'an, namely recognition of speech rights, ethics of expression, and wisdom in dialogue. Analysis of the two cases reveals that both organisations are grounded in Qur'anic principles in voicing their views, although the manner of expression and methodology employed also determine the legitimacy of that right from an Islamic perspective. This study concludes that the *wasatiyyah* framework holds potential as a balanced framework grounded in Qur'anic guidance for addressing tensions related to freedom of expression in Malaysia. This study contributes to existing literature by integrating thematic exegesis, the *wasatiyyah* framework, and case analysis of freedom of expression within the Malaysian socio-legal context.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijemp@gaexcellence.com

Keyword:

Al-Quran, Freedom of Expression, Malaysia, Thematic Exegesis, Wasatiyyah

Pengenalan

Kebebasan bersuara merupakan hak asasi manusia yang diiktiraf oleh pelbagai sistem perundangan di seluruh dunia termasuk Islam. Dalam Islam, hak ini bukan sekadar kebenaran untuk bersuara tetapi satu tanggungjawab yang terikat dengan nilai kebenaran, keadilan dan

akhlak mulia. Al-Quran telah meletakkan asas yang kukuh tentang bagaimana manusia seharusnya bertutur, menyampaikan pendapat dan berdialog dalam kehidupan bermasyarakat. Kamali (1997) menegaskan bahawa tradisi Islam mempunyai asas yang kukuh bagi kebebasan berpendapat melalui konsep *hisbah*, *nasihat*, *syura* dan *ijtihad* yang semuanya memerlukan kebebasan bersuara sebagai prasyarat pelaksanaannya. Kebebasan bersuara bukan sahaja isu perundangan dan agama semata-mata. Ia turut menjadi asas kepada tadbir urus institusi yang sihat, kepimpinan organisasi yang bertanggungjawab dan pengurusan masyarakat yang inklusif. Dalam konteks organisasi Islam di Malaysia pemahaman yang jelas tentang had dan prinsip hak bersuara menurut al-Quran boleh membantu pengurus dan pemimpin membuat keputusan yang lebih beretika dan berpandukan wahyu.

Di Malaysia, kebebasan bersuara dijamin oleh Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, hak ini tidak bersifat mutlak kerana tertakluk kepada sekatan melalui Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Sekatan tersebut bertujuan menjaga ketenteraman awam dan perpaduan kaum. Ketegangan ini semakin ketara apabila melibatkan pertubuhan Islam progresif seperti G25 dan Sisters in Islam yang kerap menyuarakan pandangan berbeza daripada institusi agama rasmi. G25 Malaysia telah mengemukakan pandangan kritikal terhadap pentadbiran hal ehwal Islam di Malaysia manakala Sisters in Islam pula memperjuangkan hak wanita Muslim berdasarkan tafsiran al-Quran yang lebih kontekstual. Kedua-dua pertubuhan ini telah menghadapi tentangan daripada pihak berkuasa agama namun terus bersuara atas nama keadilan dan kebebasan beragama (G25 Malaysia, 2020; Forum-Asia, 2025).

Kajian yang menghubungkan teks al-Quran secara langsung dengan realiti sosio-perundangan Malaysia melalui kaedah tafsir mawdu'i masih amat terhad. Kebanyakan perbincangan tentang isu ini masih lebih tertumpu kepada respons terhadap isu semasa berbanding analisis ilmiah yang berpandukan teks al-Quran secara sistematik (Abu Bakar et al., 2019). Jurang inilah yang cuba diisi oleh kajian ini melalui pendekatan tafsir mawdu'i yang menghimpunkan ayat-ayat berkaitan satu tema secara bersepadu untuk memperoleh gambaran yang lengkap tentang pendirian al-Quran terhadap kebebasan bersuara. Kajian ini turut menggunakan kerangka *wasatiyyah* sebagai landasan untuk menyeimbangkan tuntutan kebebasan bersuara dengan keperluan menjaga keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia.

Sorotan Literatur

Tafsir Mawdu'i di Malaysia

Perkembangan tafsir mawdu'i di Malaysia menunjukkan peningkatan yang positif sejak dua dekad lalu. Abu Bakar et al. (2019) mendapati bahawa penulisan tafsir mawdu'i di Malaysia bermula dengan terjemahan karya tafsir klasik sebelum berkembang kepada penulisan tematik yang lebih berorientasikan isu semasa. Tema kepimpinan, keadilan sosial dan ekonomi Islam mendominasi penulisan tafsir mawdu'i tempatan. Namun tema kebebasan bersuara masih kurang mendapat perhatian walaupun ia semakin relevan dalam konteks sosio-politik Malaysia semasa. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa penyelidikan tafsir mawdu'i semakin berkembang dari segi kuantiti namun masih bersifat teoritikal dan kurang diaplikasikan kepada isu kontemporari berkaitan hak asasi dan kebebasan bersuara. Ini menunjukkan bahawa terdapat ruang yang signifikan untuk kajian yang menghubungkan metodologi tafsir mawdu'i dengan isu-isu semasa masyarakat Muslim Malaysia. Kajian ini berusaha menyumbang ke arah mengisi ruang tersebut dengan mengaplikasikan pendekatan tafsir mawdu'i kepada tema kebebasan bersuara yang masih kurang diteroka melalui lensa teks al-Quran secara langsung.

Kebebasan Bersuara dalam Islam

Sarjana Islam kontemporari secara umumnya bersetuju bahawa kebebasan bersuara mempunyai asas yang kukuh dalam al-Quran dan tradisi Islam. Perbezaan antara mereka bukan tentang sama ada kebebasan ini dibenarkan tetapi tentang had dan batasannya yang menjadi titik perbincangan utama dalam wacana Islam kontemporari. Kamali (1997) menekankan konsep *hisbah*, *nasihat*, *syura* dan *ijtihad* sebagai tiang kebebasan intelektual dalam Islam. Beliau berhujah bahawa sekatan ke atas kebebasan bersuara hanya wajar dalam keadaan yang benar-benar membawa mudarat yang nyata kepada individu atau masyarakat. Maududi (1980) pula mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati dengan meletakkan kerangka syariat sebagai pengawal utama kebebasan bersuara agar ia tidak melampaui batas yang telah ditetapkan. Bagi Maududi kebebasan bersuara tanpa batasan syariat berisiko membawa kepada kerosakan akidah dan perpecahan umat. Al-Qaradawi (1997) mengambil pendekatan pertengahan antara kedua-duanya dengan meletakkan kebebasan bersuara dalam konteks demokrasi Islam yang bertanggungjawab. Beliau menegaskan bahawa ruang untuk menyatakan pendapat dan mengkritik kepimpinan perlu dibuka selagi dilakukan dalam kerangka akhlak dan syariat. Dalam konteks Malaysia, Mohamad Zaidi (2001) mendapati bahawa kebebasan bersuara dalam perspektif siasah syar'iyah bukan sekadar hak tetapi satu kewajipan terutamanya dalam konteks menegakkan kebenaran. Ini selari dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, "*Barang siapa di antara kamu melihat kemungkaran maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya, jika tidak mampu maka dengan lisannya dan jika tidak mampu maka dengan hatinya dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman*" (Muslim, hadis no. 49). Mohd Asri (2016) pula mendapati bahawa sekatan berlebihan ke atas kebebasan bersuara tidak selari dengan semangat Islam yang menggalakkan dialog dan kritikan membina dalam kalangan umatnya.

Perbezaan penekanan antara Kamali, Maududi dan Al-Qaradawi mencerminkan kepelbagaian dalam tradisi intelektual Islam itu sendiri dan bukannya percanggahan yang tidak dapat diselesaikan. Persamaan pandangan mereka tentang keperluan kebebasan bersuara yang bertanggungjawab memberi asas yang kukuh kepada kajian ini untuk meneliti tema tersebut melalui pendekatan tafsir mawdu'i. Kerangka *wasatiyyah* yang digunakan dalam kajian ini berpotensi menjadi landasan yang signifikan untuk mencari titik keseimbangan antara pelbagai perspektif ini dalam konteks Malaysia.

Perspektif Sarjana Antarabangsa

Sarjana Islam yang beroperasi dalam konteks Barat turut memberikan sumbangan penting kepada perbincangan tentang kebebasan bersuara dalam Islam khususnya dari sudut hermeneutik dan keadilan sosial. Esack (2018) menegaskan bahawa tafsir al-Quran tidak boleh dipisahkan daripada konteks sosial dan politik masyarakat. Beliau berhujah bahawa tafsir tematik membolehkan teks wahyu berinteraksi secara langsung dengan realiti semasa termasuk isu kebebasan bersuara dan keadilan sosial. Barlas (2019) pula menegaskan bahawa tafsiran al-Quran yang kurang mengambil kira konteks sosial perlu dinilai semula melalui pendekatan hermeneutik yang lebih adil dan saksama. Walaupun fokus kajian Barlas adalah kepada isu gender metodologinya yang menekankan pembacaan semula teks al-Quran secara kontekstual mempunyai relevansi yang luas termasuk dalam perbincangan tentang kebebasan bersuara. Khurshid Ahmad (2000) pula menegaskan bahawa nilai Islam seperti keadilan, kebenaran dan tanggungjawab sosial merupakan asas kepada kebebasan bersuara yang bermakna dan bertanggungjawab. Ketiga-tiga sarjana ini walaupun berbeza konteks dan fokus kajian

berkongsi pandangan yang sama bahawa kebebasan bersuara dalam Islam perlu dilihat dalam kerangka yang lebih luas merangkumi keadilan sosial dan tujuan wahyu itu sendiri. Pandangan ini menyokong pendekatan tafsir mawdu'i yang cuba menghubungkan teks al-Quran dengan realiti semasa sebagai satu kaedah yang berpotensi memberikan sumbangan bermakna kepada perbahasan ini.

G25 dan Sisters in Islam dalam Wacana Islam Malaysia

Kemunculan G25 dan Sisters in Islam mencerminkan ketegangan yang berlaku dalam masyarakat Muslim Malaysia antara tuntutan kebebasan bersuara dan batasan yang dikenakan oleh institusi agama rasmi. Kedua-dua pertubuhan ini mewakili usaha masyarakat sivil Muslim untuk menyuarakan pandangan mereka tentang hal ehwal agama berdasarkan tafsiran al-Quran yang mereka anggap lebih relevan dengan konteks semasa. G25 yang ditubuhkan pada tahun 2014 secara terbuka menuntut pembaharuan pentadbiran hal ehwal Islam berdasarkan prinsip perlembagaan. Laporan G25 Malaysia (2020) mendakwa bahawa beberapa institusi agama rasmi tidak mempunyai asas perlembagaan yang kukuh dan ini telah menimbulkan perdebatan tentang sempadan antara kebebasan bersuara dan autoriti institusi agama. Malay Mail (2024) melaporkan bahawa G25 terus aktif dalam wacana Islam Malaysia hampir satu dekad selepas penubuhannya walaupun menghadapi pelbagai cabaran termasuk konflik dalaman yang dilaporkan oleh The Edge Markets (2016).

Sisters in Islam pula mewakili dimensi berbeza dalam wacana ini iaitu hak untuk mentafsir agama dari perspektif yang lebih adil kepada wanita. Harvard Divinity School (2018) menggambarkan pendekatan pertubuhan ini sebagai usaha yang selari dengan kaedah tafsir kontekstual yang turut disarankan oleh sarjana seperti Esack (2018) dan Barlas (2019). Pembatalan fatwa Selangor 2014 oleh Mahkamah Persekutuan pada tahun 2025 menunjukkan bahawa isu kebebasan bersuara dalam konteks agama di Malaysia masih dalam proses evolusi perundangan dan sosial yang berterusan (Forum-Asia, 2025). Secara keseluruhannya kes kedua-dua pertubuhan ini menggambarkan bahawa perdebatan tentang kebebasan bersuara dalam Islam Malaysia memerlukan kerangka analisis yang lebih bersifat tekstual dan berpandukan wahyu. Ini kerana pendekatan perundangan dan politik semata-mata belum mampu menyelesaikan ketegangan yang wujud secara tuntas. Kajian ini berusaha menawarkan kerangka alternatif melalui analisis tafsir mawdu'i dan pendekatan *wasatiyyah* bagi membantu memahami isu ini dengan lebih mendalam.

Rumusan dan Jurang Kajian

Setakat penelitian yang dilakukan kajian ini berusaha menggabungkan pendekatan tafsir mawdu'i, kerangka wasatiyyah dan analisis kes kebebasan bersuara dalam konteks sosio-perundangan Malaysia secara bersepadu. Penggabungan ketiga-tiga elemen ini menjadikan kajian ini berbeza daripada kajian-kajian sebelumnya yang cenderung membahaskan elemen-elemen tersebut secara berasingan. Sorotan literatur ini menunjukkan beberapa perkara penting. Sarjana Islam sama ada dari tradisi klasik mahupun kontemporari secara konsisten mengakui bahawa hak bersuara mempunyai tempat yang sah dalam Islam walaupun berbeza dalam penentuan had dan batasannya. Kamali (1997), Maududi (1980) dan Al-Qaradawi (1997) misalnya bersetuju tentang keperluan kebebasan berpendapat yang bertanggungjawab walaupun berbeza dalam penekanan masing-masing. Kes G25 dan Sisters in Islam pula menunjukkan bahawa perbahasan teoritikal ini mempunyai implikasi praktikal yang nyata

dalam kehidupan masyarakat Muslim Malaysia dan memerlukan penyelesaian yang lebih berasaskan teks wahyu.

Walau bagaimanapun kajian sedia ada cenderung memfokuskan aspek teoritikal tafsir mawdu'i tanpa mengaplikasikannya secara langsung kepada isu kebebasan menyatakan pandangan. Sebahagian kajian lain pula membincangkan kes G25 dan Sisters in Islam dari sudut sosiopolitik tanpa menghubungkannya dengan analisis teks al-Quran secara mendalam. Jurang antara analisis teks wahyu dan realiti sosio-perundangan Malaysia inilah yang menjadi fokus kajian ini. Dengan menggunakan pendekatan tafsir mawdu'i dan kerangka wasatiyyah, kajian ini berusaha menawarkan satu analisis alternatif. Analisis tersebut diharapkan dapat membantu memahami ruang wacana awam secara lebih seimbang dan berpandukan teks al-Quran dalam konteks Malaysia.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat analisis dokumen. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengkaji teks-teks wahyu, dokumen perundangan dan laporan-laporan berkaitan yang menjadi sumber utama kajian. Braun dan Clarke (2006) menegaskan bahawa pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji memahami sesuatu fenomena secara mendalam dan kontekstual berbanding pendekatan kuantitatif yang lebih bersifat numerikal dan deskriptif.

Pendekatan Tafsir Mawdu'i

Kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini ialah tafsir mawdu'i atau tafsir tematik. Pendekatan ini dilaksanakan melalui empat peringkat yang berurutan. Pada mulanya semua ayat al-Quran yang berkaitan dengan tema kebebasan bersuara dikenal pasti dan dihipunkan daripada seluruh al-Quran. Seterusnya konteks penurunan atau *asbab al-nuzul* setiap ayat yang dikaji difahami dan dianalisis. Ayat-ayat tersebut kemudiannya dianalisis secara bersepadu menggunakan kitab-kitab tafsir muktabar. Akhirnya pendirian al-Quran terhadap tema kebebasan bersuara dirumuskan berdasarkan analisis yang telah dilakukan. Kitab-kitab tafsir yang digunakan sebagai rujukan utama dalam proses analisis ini ialah *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an* karya Al-Tabari (2001) yang merupakan antara tafsir klasik paling berautoriti dalam tradisi Islam, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* karya Ibn Kathir (2000) yang terkenal dengan pendekatan tafsir al-Quran dengan al-Quran dan hadis, *Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj* karya Al-Zuhayli (2009) yang menghubungkan teks al-Quran dengan isu-isu kontemporari dan *Tafsir al-Mishbah* karya Quraish Shihab (2002) yang membahaskan al-Quran dalam konteks masyarakat Muslim Asia Tenggara. Pemilihan kitab-kitab tafsir ini memastikan analisis yang dilakukan merangkumi perspektif tafsir klasik dan moden sekaligus. Keutamaan kepada kitab-kitab tafsir klasik seperti Al-Tabari (2001) dan Ibn Kathir (2000) dalam kajian ini adalah disengajakan kerana sumber-sumber ini merupakan rujukan muktabar yang tidak boleh digantikan dalam analisis tafsir mawdu'i. Keutamaan kepada sumber primer yang berautoriti adalah ciri metodologi tafsir yang mapan dan bukan kelemahan kajian.

Sumber Data

Sumber data kajian ini dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer terdiri daripada teks al-Quran dan kitab-kitab tafsir muktabar yang telah disebut di atas. Sumber primer turut merangkumi dokumen perundangan Malaysia yang

relevan iaitu Perlembagaan Persekutuan, Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Dokumen-dokumen perundangan ini diperlukan untuk memahami kerangka undang-undang semasa yang mengawal kebebasan bersuara di Malaysia dan menilai sejauh mana ia selari dengan prinsip-prinsip yang ditemui melalui analisis tafsir mawdu'i. Sumber sekunder pula terdiri daripada karya-karya sarjana Islam kontemporari seperti Kamali (1997), Maududi (1980), Al-Qaradawi (1997) dan Mohd Asri (2016) yang membahaskan isu kebebasan bersuara dalam Islam. Laporan-laporan semasa seperti laporan G25 Malaysia (2020), laporan tahunan SUHAKAM (2024) dan laporan tahunan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2024) turut digunakan sebagai sumber sekunder untuk memahami realiti semasa kebebasan bersuara di Malaysia. Laporan media seperti Sinar Harian (2020), Malay Mail (2024) dan The Edge Markets (2016) pula digunakan untuk menyokong analisis kes-kes kontemporari yang berkaitan.

Kaedah Analisis Data

Analisis data dalam kajian ini dilakukan melalui tiga fasa yang saling melengkapi. Fasa pertama melibatkan analisis tafsir mawdu'i terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tema kebebasan bersuara. Pengkaji menghimpunkan ayat-ayat berkaitan, memahami konteks penurunannya dan menganalisis maknanya berdasarkan kitab-kitab tafsir yang dipilih. Ini bertujuan memperoleh gambaran yang menyeluruh tentang pendirian al-Quran terhadap hak bersuara. Seterusnya analisis tematik mengikut kaedah Braun dan Clarke (2006) digunakan terhadap data sekunder berkaitan kes G25 dan Sisters in Islam. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak atau tema dalam data secara sistematik dan terperinci. Kedua-dua fasa tersebut kemudiannya disatukan melalui penilaian menggunakan kerangka *wasatiyyah*. Penilaian ini bertujuan menilai sejauh mana amalan kebebasan bersuara dalam kes-kes yang dikaji selari dengan prinsip-prinsip yang ditemui melalui analisis tafsir mawdu'i. Penggabungan analisis tafsir mawdu'i, analisis tematik Braun dan Clarke (2006) dan kerangka *wasatiyyah* dalam satu kajian berpotensi menawarkan sumbangan metodologi kepada kajian-kajian berkaitan teks wahyu dan isu kontemporari di Malaysia pada masa hadapan.

Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diakui. Fokus kajian adalah kepada teks al-Quran melalui pendekatan tafsir mawdu'i dan perbincangan hadis serta fiqh klasik yang berkaitan adalah di luar skop utama kajian ini. Kajian ini juga terbatas kepada konteks Malaysia sahaja dan dapatan serta cadangannya mungkin tidak boleh digeneralisasikan secara langsung kepada konteks negara-negara Muslim yang lain. Pemilihan G25 dan Sisters in Islam sebagai kajian kes adalah berdasarkan relevansi dan ketersediaan data yang mencukupi. Kajian ini turut mengiktiraf kemungkinan wujudnya kes-kes lain yang mencerminkan isu hak bersuara dalam konteks Islam di Malaysia yang berpotensi untuk diteroka dalam kajian akan datang.

Dapatan Kajian

Analisis tafsir mawdu'i terhadap ayat-ayat al-Quran berkaitan tema kebebasan bersuara mengenal pasti tiga kelompok prinsip yang membentuk kerangka hak bersuara menurut al-Quran. Ketiga-tiga kelompok ini tidak berdiri secara berasingan tetapi saling melengkapi untuk membentuk satu kerangka yang menyeluruh, seimbang dan berpaksikan nilai kebenaran, keadilan dan tanggungjawab sosial. Kerangka ini seterusnya digunakan untuk menilai isu-isu

kontemporari berkaitan kebebasan menyatakan pandangan di Malaysia termasuk kes G25 dan Sisters in Islam.

Kebebasan Bersuara Menurut Al-Quran

Analisis tafsir mawdu'i mengenal pasti tiga kelompok prinsip yang membentuk kerangka kebebasan bersuara menurut al-Quran iaitu kelompok pengiktirafan hak bersuara, kelompok etika bersuara dan kelompok hikmah dalam berdialog. Setiap kelompok mengandungi prinsip-prinsip al-Quran yang saling melengkapi dan bersepadu dalam membentuk kerangka hak bersuara yang menyeluruh dan seimbang.

Prinsip Pengiktirafan Hak Bersuara

Kelompok pertama merangkumi dua prinsip yang menjadi asas kepada pengiktirafan Islam terhadap hak bersuara iaitu prinsip tiada paksaan dan prinsip keadilan dalam bersuara. Prinsip tiada paksaan bersumberkan Surah al-Baqarah ayat 256. Allah SWT berfirman yang bermaksud "*Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur)*" (Al-Baqarah 2:256). Al-Tabari (2001) menjelaskan bahawa ayat ini merupakan pengisytiharan jelas bahawa Islam menolak sebarang bentuk paksaan dalam urusan agama dan kepercayaan. Ibn Kathir (2000) pula menghubungkan ayat ini dengan konteks yang lebih luas dengan menegaskan bahawa prinsip tiada paksaan bukan terhad kepada urusan akidah semata-mata tetapi meliputi keseluruhan aspek kehidupan manusia termasuk urusan sosial dan kemasyarakatan. Al-Zuhayli (2009) menambah bahawa prinsip ini menjadi asas pembinaan masyarakat Islam yang sihat. Setiap anggotanya bebas menyuarakan pandangan dalam kerangka yang bertanggungjawab. Prinsip keadilan dalam bersuara pula bersumberkan Surah al-Nisa' ayat 148. Allah SWT berfirman yang bermaksud "*Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang diucapkan dengan berterus-terang kecuali oleh orang yang dianiaya. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui*" (Al-Nisa' 4:148). Ayat ini mengandungi dua mesej yang saling melengkapi. Di satu pihak Islam melarang ucapan yang buruk dan merosakkan dalam keadaan biasa. Di pihak lain Islam memberi pengecualian kepada mereka yang dizalimi untuk bersuara dan menyatakan ketidakadilan yang mereka alami. Quraish Shihab (2002) menghuraikan bahawa pengecualian ini mencerminkan keseimbangan unik dalam Islam antara menjaga keharmonian sosial dan memastikan keadilan ditegakkan. Kedua-dua prinsip ini secara bersama menunjukkan bahawa al-Quran bukan sahaja membenarkan hak bersuara tetapi turut melindungi hak tersebut terutamanya bagi golongan yang dizalimi. Ini mempunyai implikasi langsung terhadap penilaian kes G25 dan Sisters in Islam yang akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

Prinsip Etika Bersuara

Kelompok kedua merangkumi dua prinsip yang mengatur cara dan standard etika dalam menggunakan hak bersuara iaitu prinsip *tabayyun* dan prinsip *qawlan sadidan*. Prinsip *tabayyun* atau semakan dan pengesahan maklumat bersumberkan Surah al-Hujurat ayat 6. Allah SWT berfirman yang bermaksud "*Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita maka selidikilah (untuk menentukan kebenarannya supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu sehingga kamu menjadi menyesal atas apa yang kamu lakukan)*" (Al-Hujurat 49:6). Al-Zuhayli (2009) menghuraikan bahawa *tabayyun* bukan sekadar saranan tetapi merupakan kewajipan yang mengikat setiap Muslim. Ini bermakna kebebasan

berpendapat dalam Islam tidak boleh dipisahkan daripada tanggungjawab memastikan kesahihan maklumat yang disampaikan.

Prinsip *qawlan sadidan* atau berkata benar dan tepat pula bersumberkan Surah al-Ahzab ayat 70. Allah SWT berfirman yang bermaksud "*Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar*" (Al-Ahzab 33:70). Ibn Kathir (2000) menjelaskan bahawa *qawlan sadidan* merangkumi tiga dimensi utama iaitu kebenaran dari segi fakta, kebenaran dari segi niat dan kebenaran dari segi kesan kepada masyarakat. Ucapan yang benar dari segi fakta tetapi disampaikan dengan niat yang buruk masih tidak memenuhi standard ini. Al-Alwani (2023) menghubungkan prinsip ini dengan adab perbezaan pendapat dalam Islam. Beliau menegaskan bahawa Islam mengizinkan perbezaan pandangan dalam hal-hal yang paling sensitif sekalipun selagi diuruskan dengan cara yang benar, beradab dan bertujuan mencari kebenaran. Gabungan prinsip *tabayyun* dan *qawlan sadidan* membentuk satu kerangka etika bersuara yang menyeluruh. Prinsip *tabayyun* mengawal kualiti maklumat yang disebarkan manakala prinsip *qawlan sadidan* pula mengawal niat dan cara penyampaian. Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2024) yang menunjukkan peningkatan kes penyebaran maklumat palsu dalam platform digital mengesahkan relevansi kedua-dua prinsip ini dalam konteks Malaysia semasa.

Prinsip Hikmah dalam Berdialog

Prinsip hikmah dalam berdialog bersumberkan Surah al-Nahl ayat 125. Allah SWT berfirman yang bermaksud "*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik*" (Al-Nahl 16:125). Quraish Shihab (2002) menjelaskan bahawa ayat ini menetapkan tiga kaedah komunikasi yang berbeza untuk digunakan dalam situasi yang berbeza iaitu hikmah untuk golongan berfikiran terbuka, nasihat yang baik untuk golongan awam dan dialog yang lebih baik untuk golongan yang menentang. Al-Zuhayli (2009) menegaskan bahawa prinsip hikmah bukan terhad kepada konteks dakwah semata-mata tetapi merupakan prinsip universal dalam semua bentuk komunikasi termasuk perbincangan tentang hal kemasyarakatan dan kenegaraan. Kamali (1997) pula menghubungkan prinsip ini dengan konsep *syura* dalam Islam. Beliau berhujah bahawa dialog yang berhikmah merupakan asas kepada pelaksanaan *syura* yang berkesan. Tanpa ruang dialog yang bebas dan berhikmah proses *syura* tidak dapat berfungsi dengan baik. Prinsip ini merupakan prinsip yang bersifat paling dinamik dalam kerangka kebebasan bersuara menurut al-Quran. Ia menetapkan bukan sahaja hak untuk bersuara tetapi juga tanggungjawab untuk memilih cara yang paling berkesan dan paling tidak mendatangkan mudarat dalam setiap situasi yang berbeza. Prinsip ini amat relevan kepada konteks Malaysia yang majmuk dan memerlukan pendekatan komunikasi yang sensitif dan berhikmah dalam menangani isu-isu agama yang kompleks.

Rumusan Kerangka Kebebasan Bersuara

Analisis tafsir mawdu'i mendapati bahawa al-Quran membina kerangka kebebasan bersuara melalui tiga kelompok prinsip yang saling melengkapi. Kelompok pengiktirafan hak bersuara memastikan hak ini diakui dan dilindungi untuk semua pihak termasuk golongan yang dizalimi. Kelompok etika bersuara pula memastikan hak ini dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berpandukan kebenaran. Kelompok hikmah dalam berdialog akhirnya memastikan perbezaan pandangan diselesaikan melalui dialog yang konstruktif dan bukan melalui sekatan

mutlak. Kerangka ini berbeza daripada konsep kebebasan bersuara dalam tradisi liberal Barat yang lebih menekankan kebebasan tanpa had. Ia juga berbeza daripada pendekatan yang terlalu menyekat kebebasan berpendapat atas nama menjaga kesucian agama. Kerangka al-Quran ini lebih seimbang dan relevan untuk diaplikasikan dalam konteks masyarakat Malaysia yang majmuk dan pelbagai. Ketiga-tiga kelompok prinsip ini seterusnya digunakan sebagai asas untuk menilai isu-isu kontemporari yang dibincangkan dalam bahagian berikutnya.

Isu Kontemporari Kebebasan Bersuara di Malaysia

Hak Bersuara dalam Kerangka Undang-undang Malaysia

Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 10 menjamin hak kebebasan bersuara kepada setiap warganegara Malaysia. Hak ini tertakluk kepada sekatan yang diperuntukkan oleh parlimen atas alasan keselamatan negara, ketenteraman awam dan akhlak. Akta Hasutan 1948 memperuntukkan bahawa sebarang ucapan atau tulisan yang mempunyai kecenderungan menghasut merupakan satu kesalahan jenayah. Skop akta ini yang luas dan tafsiran yang subjektif menjadikannya instrumen yang sering dikritik sebagai terlalu membatasi ruang wacana awam. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 pula mengawal kandungan yang disebarkan melalui platform digital. Seksyen 233 akta ini memperuntukkan hukuman bagi mereka yang menyebarkan kandungan yang dianggap mengancam atau menyinggung perasaan orang lain. Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2024) menunjukkan peningkatan tindakan penguatkuasaan di bawah akta ini. Ini berlaku seiring dengan peningkatan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia. Apabila dinilai berdasarkan kerangka al-Quran yang telah dikenal pasti kedua-dua akta ini mempunyai asas yang sah dari sudut Islam. Ia bertujuan mencegah ucapan yang mendatangkan mudarat kepada masyarakat. Ini selari dengan kelompok etika bersuara yang menetapkan standard tanggungjawab dalam penyebaran maklumat. Namun kelompok pengiktirafan hak bersuara menuntut bahawa penguatkuasaannya dilakukan secara adil. Ia tidak sepatutnya digunakan untuk menyekat hak golongan yang cuba menyuarakan ketidakadilan yang mereka alami.

Kedudukan Hak Asasi Bersuara di Malaysia

Laporan tahunan SUHAKAM (2024) mendapati bahawa isu kebebasan bersuara kekal sebagai antara isu hak asasi yang paling kerap dilaporkan di Malaysia. Laporan tersebut mencatatkan beberapa kes penggunaan undang-undang hasutan dan akta komunikasi terhadap individu yang menyuarakan kritikan terhadap dasar kerajaan dan pentadbiran agama. Ahmad Munawar dan Wan Kamal (2020) mendapati bahawa terdapat ruang yang signifikan untuk menyelaraskan peruntukan undang-undang sedia ada dengan prinsip Islam tentang kebebasan bersuara yang bertanggungjawab. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun kerangka perundangan Malaysia mengiktiraf hak bersuara secara teoritikal pelaksanaannya masih memerlukan penambahbaikan agar lebih selaras dengan prinsip-prinsip al-Quran yang telah dikenal pasti.

Analisis Kes G25

G25 yang ditubuhkan pada tahun 2014 oleh sekumpulan bekas pegawai tinggi kerajaan merupakan antara pertubuhan sivil Muslim yang aktif menyuarakan pandangan tentang pentadbiran hal ehwal Islam di Malaysia. Tindakan ini merupakan manifestasi prinsip *hisbah* dalam Islam iaitu tanggungjawab menegur perkara yang tidak betul demi kebaikan masyarakat (Kamali, 1997). Berdasarkan prinsip ini tindakan G25 menyuarakan pandangan mereka secara

terbuka mempunyai sandaran dalam tradisi Islam. Laporan G25 Malaysia (2020) secara terbuka mempersoalkan asas perlembagaan bagi penubuhan beberapa institusi agama rasmi. Ia turut menuntut pembaharuan dalam sistem pentadbiran agama negara. Tindakan ini menimbulkan reaksi yang pelbagai termasuk daripada institusi agama rasmi yang melihatnya sebagai melampaui batas autoriti agama yang telah ditetapkan. Ini menggambarkan ketegangan yang nyata antara hak bersuara dan keperluan menghormati autoriti agama yang sah.

Perlu diakui bahawa pendekatan G25 turut mendapat kritikan dari sudut metodologi dan etika. Sebahagian sarjana berpandangan bahawa pendekatan pertubuhan ini terlalu bersandarkan kerangka sekular dalam menilai hal ehwal agama. Ia kurang mengambil kira pandangan ulama yang lebih berautoriti dalam bidang tersebut. Kebimbangan pihak berkuasa agama pula boleh difahami dari sudut keperluan menjaga kesatuan tafsiran agama. Konflik dalaman yang pernah dilaporkan turut menggambarkan bahawa pertubuhan ini sendiri tidak bebas daripada ketegangan berkaitan had kebebasan berpendapat. G25 terus aktif dalam wacana Islam Malaysia hampir satu dekad selepas penubuhannya (Malay Mail, 2024). Ini memperlihatkan bahawa ruang untuk menyuarakan pandangan dalam hal ehwal agama masih wujud walaupun terbatas. Secara keseluruhannya pendirian G25 menimbulkan persoalan yang kompleks dari sudut kerangka al-Quran. Di satu pihak ia selari dengan kelompok pengiktirafan hak bersuara. Di pihak lain kelompok hikmah dalam berdialog menuntut bahawa tuntutan tersebut disampaikan dengan cara yang berhikmah dan mengambil kira keperluan menjaga perpaduan umat.

Analisis Kes Sisters in Islam

Sisters in Islam merupakan pertubuhan bukan kerajaan yang memperjuangkan hak wanita Muslim di Malaysia berdasarkan tafsiran al-Quran yang lebih kontekstual. Harvard Divinity School (2018) menggambarkan pertubuhan ini sebagai antara pertubuhan wanita Muslim yang berpengaruh di Asia Tenggara dalam usaha mentafsir semula ayat-ayat al-Quran berkaitan gender. Pendekatan ini selari dengan pandangan Esack (2018) dan Barlas (2019) yang menyarankan keperluan tafsiran al-Quran yang lebih berorientasikan keadilan sosial. Namun pendekatan Sisters in Islam turut menimbulkan kebimbangan dalam kalangan sarjana dan pihak berkuasa agama. Sebahagian ulama berpandangan bahawa metodologi tafsir yang digunakan terlalu dipengaruhi oleh kerangka feminisme Barat. Ia kurang mengambil kira kaedah tafsir yang diterima dalam tradisi ilmu Islam yang mapan. Kebimbangan ini boleh difahami kerana sebarang tafsiran semula teks al-Quran perlu dilakukan dalam kerangka metodologi yang kukuh dan bertanggungjawab. Ini bagi memastikan ia tidak menyeleweng daripada maksud asal wahyu.

Fatwa Jabatan Agama Islam Selangor pada tahun 2014 yang mengisytiharkan fahaman liberal dan pluralis sebagai sesat merupakan titik penting dalam wacana hak bersuara Islam di Malaysia. Apabila dinilai berdasarkan kerangka al-Quran yang telah dikenal pasti sekatan yang cuba dikenakan melalui fatwa tersebut menimbulkan persoalan dari sudut kelompok pengiktirafan hak bersuara. Al-Quran mengiktiraf hak setiap individu untuk berfikir dan menyatakan pandangan selagi tidak melanggar batasan syariat yang jelas. Keputusan Mahkamah Persekutuan Malaysia pada tahun 2025 yang membatalkan fatwa tersebut merupakan perkembangan yang signifikan. Forum-Asia (2025) melaporkan bahawa keputusan ini disambut baik sebagai pengiktirafan terhadap hak kebebasan menyatakan pandangan yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan. Keputusan ini selari dengan kelompok hikmah dalam berdialog yang menuntut semua pihak menyelesaikan pertikaian melalui saluran yang

adil dan berhikmah. Analisis terhadap kes ini mendapati bahawa ketegangan antara Sisters in Islam dan institusi agama rasmi mencerminkan keperluan satu kerangka yang lebih jelas tentang had kebebasan bersuara dalam hal ehwal agama di Malaysia. Kedua-dua pihak mempunyai hujah masing-masing yang perlu diambil kira secara serius. Pendekatan *wasatiyyah* berpotensi menjadi landasan alternatif yang seimbang. Ia mengiktiraf hak bersuara pada masa yang sama memastikan tafsiran agama dilakukan dalam kerangka metodologi yang bertanggunjawab dan tidak mencetuskan perpecahan.

Rumusan Dapatan

Dapatan kajian ini menunjukkan tiga perkara utama. Al-Quran mengiktiraf hak bersuara secara menyeluruh melalui tiga kelompok prinsip yang saling melengkapi iaitu pengiktirafan hak bersuara, etika bersuara dan hikmah dalam berdialog. Kerangka perundangan Malaysia walaupun mengiktiraf hak ini secara teoritikal masih memerlukan penyelarasan yang lebih rapat dengan kerangka al-Quran tersebut. Ini terutamanya dari sudut keadilan dan perlindungan hak golongan yang menyuarakan pandangan berbeza. Kes G25 dan Sisters in Islam pula memperlihatkan bahawa ketegangan antara hak bersuara dan batasan agama di Malaysia adalah kompleks. Ia memerlukan penyelesaian yang mengambil kira kepentingan semua pihak secara seimbang, adil dan berpandukan teks wahyu.

Perbincangan

Dapatan kajian ini membuka ruang perbincangan yang penting tentang hubungan antara prinsip hak bersuara dalam al-Quran dengan realiti semasa di Malaysia. Perbincangan ini merangkumi tiga aspek utama iaitu pertembungan pendekatan progresif dan konservatif dalam wacana Islam Malaysia, kesesuaian *wasatiyyah* sebagai kerangka penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada pihak-pihak berkaitan.

Pertembungan Pendekatan Progresif dan Konservatif

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketegangan antara G25 dan Sisters in Islam dengan institusi agama rasmi di Malaysia mencerminkan pertembungan dua tradisi pemikiran Islam yang berbeza. Tradisi pertama menekankan keperluan tafsiran semula teks agama secara kontekstual dan berorientasikan keadilan sosial. Tradisi kedua pula menekankan keperluan menjaga kesatuan tafsiran agama berdasarkan metodologi ulama yang mapan. Kedua-dua tradisi ini mempunyai asas yang sah dalam wacana intelektual Islam dan perbezaan antara keduanya bukan sesuatu yang baharu. Pertembungan ini bukan fenomena baharu dalam sejarah Islam. Al-Alwani (2023) menegaskan bahawa perbezaan pendapat dalam hal ehwal agama telah wujud sejak zaman awal Islam dan ia diterima sebagai sebahagian daripada dinamik intelektual umat. Yang membezakan perbezaan pendapat yang sihat daripada yang membawa perpecahan ialah cara ia diuruskan. Tradisi intelektual Islam yang kaya seharusnya menjadi asas kepada perbincangan yang terbuka dan konstruktif. Ia bukan alasan untuk menyekat kebebasan berpendapat.

Dalam konteks Malaysia pertembungan ini menjadi lebih kompleks. Faktor sensitiviti kaum, kepentingan politik dan peranan institusi agama rasmi yang mempunyai autoriti perundangan semuanya mempengaruhi ruang wacana awam. Ahmad Munawar dan Wan Kamal (2020) mendapati bahawa had kebebasan bersuara dalam konteks Malaysia sering ditentukan bukan semata-mata oleh prinsip agama. Ia turut dipengaruhi oleh pertimbangan politik dan sosial yang

kadangkala mengatasi pertimbangan syariat itu sendiri. Mohd Asri (2016) berpandangan bahawa sekatan berlebihan ke atas ruang dialog dalam hal ehwal agama boleh membawa kesan negatif jangka panjang. Perkembangan intelektual umat Islam di Malaysia akan terjejas apabila ruang untuk berbeza pendapat disekat. Pandangan ini selari dengan prinsip *ijtihad* yang memerlukan kebebasan berfikir sebagai prasyarat utamanya. Namun Al-Qaradawi (1997) mengingatkan bahawa hak bersuara dalam Islam mestilah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Ia tidak boleh dijadikan alat untuk mempersoalkan perkara yang telah ditetapkan secara *qat'i* dalam al-Quran dan sunnah. Pertembungan antara keperluan kebebasan berpendapat dan keperluan menjaga batas syariat inilah yang menjadi teras perdebatan tentang hak bersuara dalam Islam Malaysia. Ia menuntut satu kerangka yang seimbang, adil dan berpandukan wahyu.

Wasatiyyah sebagai Kerangka Penyelesaian

Setakat penelitian yang dilakukan kajian ini menggabungkan pendekatan tafsir mawdu'i, kerangka *wasatiyyah* dan analisis kes hak bersuara dalam konteks sosio-perundangan Malaysia secara bersepadu. Penggabungan ketiga-tiga elemen ini menawarkan perspektif yang lebih menyeluruh berbanding kajian-kajian sebelumnya yang cenderung membahaskan elemen-elemen tersebut secara berasingan. Kamali (2008) mendefinisikan *wasatiyyah* sebagai pendekatan yang menolak sebarang bentuk ekstremisme sama ada dalam menuntut kebebasan tanpa batas mahupun dalam mengekang kebebasan secara berlebihan. Pendekatan ini menuntut keseimbangan yang teliti antara hak individu dan tanggungjawab sosial. Ia juga menuntut keseimbangan antara kebebasan berpendapat dan keperluan menjaga keharmonian masyarakat. Dalam konteks hak bersuara *wasatiyyah* menuntut pengiktirafan penuh terhadap tiga kelompok prinsip al-Quran yang dikenal pasti dalam kajian ini. Kelompok pengiktirafan hak bersuara memastikan hak ini diiktiraf dan dilindungi untuk semua pihak. Kelompok etika bersuara pula memastikan hak ini dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan beretika. Kelompok hikmah dalam berdialog akhirnya memastikan perbezaan pandangan diselesaikan melalui dialog yang konstruktif dan bukan melalui sekatan mutlak.

Al-Alwani (2023) menegaskan bahawa *wasatiyyah* dalam menguruskan perbezaan pendapat memerlukan kesediaan semua pihak untuk mendengar dan menghormati pandangan yang berbeza walaupun tidak semestinya bersetuju dengannya. Al-Qaradawi (1997) turut menegaskan bahawa sesebuah negara Islam yang mengamalkan *wasatiyyah* perlu membezakan antara sekatan yang bertujuan menjaga kemaslahatan awam dan sekatan yang semata-mata melindungi kepentingan tertentu. Namun cabaran utama *wasatiyyah* ialah bagaimana ia diterjemahkan secara institusi tanpa menjadi slogan semata-mata. Tanpa mekanisme pelaksanaan yang jelas *wasatiyyah* berisiko kekal sebagai retorik yang indah tetapi tidak memberi impak yang nyata kepada kehidupan masyarakat. Kamali (2008) sendiri mengakui bahawa jurang antara ideal *wasatiyyah* dan realiti pelaksanaannya merupakan cabaran terbesar yang dihadapi oleh masyarakat Muslim kontemporari. Ini menuntut komitmen yang serius daripada semua pihak termasuk institusi agama, kerajaan dan masyarakat sivil. Secara keseluruhannya *wasatiyyah* menawarkan jalan tengah yang praktikal dan berpandukan wahyu dalam menangani ketegangan berkaitan hak bersuara di Malaysia. Ia bukan penyelesaian yang mudah atau segera. Namun ia merupakan pendekatan yang paling selaras dengan semangat al-Quran yang mengiktiraf kepelbagaian pendapat sambil menuntut tanggungjawab dan hikmah dalam setiap bentuk komunikasi manusia.

Cadangan Penambahbaikan

Berdasarkan dapatan dan perbincangan kajian ini beberapa cadangan dikemukakan kepada pihak-pihak berkaitan. Institusi agama rasmi di Malaysia perlu mempertimbangkan pewujudan mekanisme dialog yang lebih terstruktur dan inklusif dalam membincangkan hal ehwal agama. Dialog yang berpandukan prinsip hikmah sebagaimana yang diajarkan dalam Surah al-Nahl ayat 125 terbukti lebih berkesan dalam menangani perbezaan pendapat berbanding pendekatan penolakan mutlak. Penglibatan pelbagai pihak termasuk pertubuhan sivil Muslim dalam proses pembentukan dasar agama juga wajar dipertimbangkan. Kerangka *wasatiyyah* yang dikenal pasti dalam kajian ini turut berpotensi diaplikasikan sebagai panduan pengurusan konflik dalam organisasi Islam di Malaysia.

Selain itu dari sudut perundangan Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 wajar disemak semula dengan mengambil kira kerangka al-Quran tentang hak bersuara yang telah dikenal pasti. Semakan ini perlu memastikan sekatan yang dikenakan setara dengan keperluan mencegah mudarat yang nyata kepada masyarakat. Ia tidak sepatutnya digunakan untuk menyekat kebebasan menyatakan pandangan yang sah dan bertanggungjawab. Perundangan berkaitan hak bersuara perlu berpaksikan prinsip keadilan dan kemaslahatan yang menjadi teras *siasah syar'iyah* dalam Islam (Mohamad Zaidi, 2001). Sementara itu pertubuhan sivil Muslim pula perlu terus menyuarakan pandangan dalam kerangka metodologi yang lebih kukuh dan bertanggungjawab. Kekuatan sesebuah hujah bukan sahaja ditentukan oleh kandungannya tetapi juga oleh cara ia disampaikan (Al-Alwani, 2023). Keterbukaan kepada dialog dengan institusi agama rasmi juga penting agar usaha mereka dilihat sebagai langkah membina dan bukan semata-mata mencabar autoriti agama yang sedia ada.

Akhirnya dari sudut penyelidikan terdapat beberapa bidang yang berpotensi untuk diteroka pada masa hadapan. Analisis hadis berkaitan hak bersuara menggunakan metodologi yang selari dengan tafsir mawdu'i boleh menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh. Kajian perbandingan antara pendekatan Malaysia dengan negara-negara Islam lain pula berpotensi memperkaya pemahaman tentang kepelbagaian model pengurusan hak bersuara dalam dunia Islam. Implikasi perkembangan kecerdasan buatan terhadap pelaksanaan prinsip *tabayyun* dalam era digital juga merupakan bidang yang mendesak untuk ditangani memandangkan perkembangan teknologi yang semakin pesat.

Penutup

Kajian ini menganalisis kebebasan bersuara menurut al-Quran melalui pendekatan tafsir mawdu'i dan menghubungkannya dengan isu-isu kontemporari di Malaysia. Analisis mendapati bahawa al-Quran mengandungi kerangka yang lengkap dan seimbang tentang hak bersuara yang relevan untuk diaplikasikan dalam konteks Malaysia yang unik dan pelbagai. Tiga kelompok prinsip dikenal pasti melalui analisis tafsir mawdu'i iaitu kelompok pengiktirafan hak bersuara, kelompok etika bersuara dan kelompok hikmah dalam berdialog. Ketiga-tiga kelompok ini saling melengkapi untuk membentuk satu kerangka hak bersuara yang berbeza daripada konsep kebebasan bersuara dalam tradisi liberal Barat yang lebih menekankan kebebasan tanpa had. Ia juga berbeza daripada pendekatan yang terlalu menyekat kebebasan berpendapat atas nama menjaga kesucian agama semata-mata.

Seterusnya analisis kes G25 dan Sisters in Islam menunjukkan bahawa kedua-dua pertubuhan ini mempunyai sandaran yang sah dalam kerangka al-Quran untuk menyuarakan pandangan mereka. Namun cara penyampaian pandangan dan metodologi yang digunakan turut menentukan kesahan hak bersuara tersebut dari sudut Islam. Ketegangan yang berlaku antara kedua-dua pertubuhan dengan institusi agama rasmi menggambarkan keperluan untuk satu kerangka yang jelas tentang had hak bersuara dalam hal ehwal agama di Malaysia. Akhirnya *wasatiyyah* didapati berpotensi menjadi kerangka penyelesaian yang seimbang dan berpandukan wahyu dalam menangani ketegangan tersebut. Namun cabaran utama terletak pada bagaimana ia diterjemahkan secara institusi agar tidak kekal sebagai wacana semata-mata. Komitmen yang serius daripada semua pihak termasuk institusi agama, kerajaan dan masyarakat sivil diperlukan untuk memastikan *wasatiyyah* menjadi amalan yang nyata dalam kehidupan bermasyarakat.

Kajian ini berpotensi menyumbang kepada beberapa bidang serentak. Dari sudut akademik ia memperkaya wacana tafsir mawdu'i di Malaysia dengan menunjukkan bahawa metodologi ini relevan untuk menangani cabaran kontemporari. Dalam konteks dasar awam pula ia menawarkan perspektif Islam yang seimbang bagi membantu pembuat dasar menilai semula peruntukan berkaitan hak bersuara. Bagi Masyarakat umum, ia menyediakan panduan tentang cara bersuara secara bertanggungjawab selaras dengan ajaran al-Quran. Sementara dari sudut pengurusan pula ia berpotensi memberi panduan praktikal kepada pengurus organisasi Islam dalam menguruskan perbezaan pendapat secara beretika dan berpandukan wahyu. Kajian ini tidak terlepas daripada batasan. Fokus kepada teks al-Quran melalui tafsir mawdu'i bermakna dimensi hadis dan fiqh klasik tidak dapat ditangani secara mendalam. Kajian ini turut mengiktiraf kemungkinan wujudnya kes-kes lain yang mencerminkan isu hak bersuara dalam konteks Islam di Malaysia yang berpotensi untuk diteroka dalam kajian akan datang. Analisis hadis berkaitan hak bersuara, kajian perbandingan dengan negara-negara Islam lain dan kajian tentang implikasi era digital terhadap prinsip *tabayyun* merupakan antara bidang yang berpotensi menghasilkan sumbangan ilmu yang lebih komprehensif pada masa hadapan.

Penghargaan:	Penghargaan dirakamkan kepada pihak UMCCED, rakan-rakan dan semua pihak yang telah memberikan sumbangan idea dan sokongan sepanjang proses penulisan ini dijalankan. Semoga hasil kajian ini memberi manfaat kepada dunia akademik dan masyarakat.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan artikel jurnal ini. Penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Entrepreneurship and Management Practices (IJEMP).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis bertanggungjawab terhadap pengkonsepian, metodologi, pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian dan penyeliaan keseluruhan kajian. Penulis juga menyumbang kepada sorotan literatur dan semakan kritikal manuskrip. Akhirnya, penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan

Rujukan

- Abu Bakar, S., Hussin, H., & Wan Abdullah, W. N. (2019). Analisis perkembangan penulisan tafsir maudu'i di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 142–153. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.62>
- Abul A'la Maududi. (1980). *Human rights in Islam*. Islamic Publications.
- Ahmad Munawar Ismail, & Wan Kamal Mujani. (2020). Had kebebasan bersuara dalam hak kebebasan beragama di Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(2), 176–192. <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/148>
- Al-Tabari, M. I. J. (2001). *Jami' al-bayan 'an ta'wil ay al-Qur'an*. Dar al-Hajr.
- Asma Barlas. (2019). *Believing women in Islam: Unreading patriarchal interpretations of the Qur'an*. University of Texas Press.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Communications and Multimedia Act 1998. (2023). *Communications and Multimedia Act 1998 (Act 588)*. The Commissioner of Law Revision Malaysia.
- Farid Esack. (2018). *Qur'an, liberation and pluralism: An Islamic perspective of interreligious solidarity against oppression*. Oneworld Publications.
- Federal Constitution of Malaysia. (2023). *Federal Constitution (as at 10 February 2023)*. The Commissioner of Law Revision Malaysia, under the authority of the Revision of Laws Act 1968.
- Forum-Asia. (2025, 24 Jun). Malaysia: Mahkamah Persekutuan membatalkan fatwa terhadap Sisters in Islam, masyarakat sivil meraikan kemenangan hak wanita. <https://forum-asia.org/sis25/>
- G25 Malaysia. (2020). *Pentadbiran hal ehwal Islam di Malaysia*. The True Net. <https://www.thetrue.net.com/issues/g25-report-administration-of-matters-in-islam-in-malaysia>
- Harvard Divinity School. (2018). *Malaysia's Sisters in Islam (SIS)*. <https://rpl.hds.harvard.edu/religion-context/case-studies/gender/malaysias-sisters-islam>
- Ibn Kathir. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'azim*. Dar al-Tayyibah.
- Khurshid Ahmad. (2000). *Islam: Its meaning and message*. Islamic Foundation.
- M. Quraish Shihab. (2002). *Tafsir al-Mishbah*. Lentera Hati.
- Malay Mail. (2024, May 28). Nearly a decade from formation, where to next for ex-top civil servant lobby group G25? <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/28/nearly-a-decade-from-formation-where-to-next-for-ex-top-civil-servant-lobby-group-g25/136464>
- Malaysian Communications and Multimedia Commission. (2024). *Annual report 2024*. Malaysian Communications and Multimedia Commission.
- Mohamad Bin Abu Bakar. (2001). Islam, civil society and ethnic relations in Malaysia. In *Islam in Southeast Asia: Political, social and strategic challenges for the 21st century*. ISEAS–Yusof Ishak Institute. <https://doi.org/10.1355/9789812307132-007>
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman. (2001). Kebebasan bersuara dari perspektif siasah syar'iyah. *Jurnal Syariah*, 9(2). <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/index>
- Mohammad Hashim Kamali. (1997). *Freedom of expression in Islam*. Islamic Texts Society.
- Mohammad Hashim Kamali. (2008). *Shari'ah law: An introduction*. Oneworld.
- Mohd Asri Zainul Abidin. (2016). *Islam dan kebebasan bersuara: Satu analisis al-Quran dan sunnah*. PTS Publications.

- Sedition Act 1948. (2023). Sedition Act 1948 (Act 15). The Commissioner of Law Revision Malaysia.
- Sinar Harian. (2020, January 11). Laporan G25 dakwa penubuhan MKI dan JAKIM tidak ikut Perlembagaan. <https://www.sinarharian.com.my/article/65524/berita/nasional/laporan-g25-dakwa-penubuhan-mki-dan-jakim-tidak-ikut-perlembagaan>
- SUHAKAM. (2024). Annual report 2024. SUHAKAM.
- Taha Jabir Al-Alwani. (2023). Adab perbezaan pendapat dalam Islam. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- The Edge Markets. (2016, February 4). Tawfik Ismail ostracised by G25 amid members' discomfort. <https://www.theedgemarkets.com/article/tawfik-ismail-ostracised-g25-amid-members-discomfort>
- Wahbah al-Zuhayli. (2009). Tafsir al-Munir fi al-‘aqidah wa al-syari‘ah wa al-manhaj. Dar al-Fikr.
- Yusuf al-Qaradawi. (1997). Min fiqh al-dawlah fi al-Islam. Dar al-Shuruq.